

Perketat kawalan sempadan

Membendung kegiatan kereta sapu didalangi warga tempatan, jiran

KUCHING: Kerajaan mengorak langkah memperketatkan kawalan di pintu sempadan dengan menambah bilangan anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bertugas bagi membendung aktiviti kereta sapu yang didalangi rakyat tempatan dan negara jiran. Menteriya, Anthony Loke Siew Fook menegaskan, beliau memandang serious aktiviti kereta sapu yang dijalankan oleh rakyat tempatan dan negara jiran itu yang boleh menjejaskan pendapatan pengusaha kenderaan sewa berdaftar.

Katanya, bagi menangani masalah tersebut, beliau mengatakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya menambah jumlah anggota penguatkuasa untuk menjalankan pemeriksaan di pintu sempadan seluruh negara. Beliau berkata, adalah menjadi kesalahan untuk menawarkan perkhidmatan kereta sapu samaada oleh rakyat tempatan atau warga asing kerana pengusaha terlibat tidak mempunyai lesen kenderaan perdagangan. "Kita menyedari masalah kereta sapu wujud di semua pintu sempadan di seluruh negara, bukan hanya di pintu masuk Tebedu – Entikong di Serian, Sarawak." Bagi menangani masalah ini, kita minta JPJ supaya meningkatkan tahap penmguatkuasaan di kawasan sempadan kerana aktiviti ini menjejaskan perkhidmatan kenderaan yang berdaftar," katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Penyerahan Surat tawaran Kelulusan (STK) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak di Pusat Maklumat Islam Kuching di sini hari ini. Yang turut hadir, Mohd .Syafiq Anas dan Pengarah LPKP Sarawak, Razami Mohamed Jamali.

Mengulas lanjut, Anthony berkata, kereta sapu adalah berbeza dengan perkhidmatan e-hailing yang dikawal selia oleh kerajaan melalui Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017. Malah, ujarnya, Kementerian sedang memperhalusi peraturan dalam perkhidmatan e-hailing sebelum diwartakan pada oktober ini. Dalam pada itu, beliau sekali lagi menegaskan bahawa Kementeriannya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai JPJ yang terlibat dalam sindiket pengeluaran lesen terbang. "Perbuatan mengeluarkan lesen terbang kepada pemandu yang tidak layak dan tidak diuji kemahiran memandu adalah amat serious kerana boleh membahayakan nyawa orang lain." Kementerian tidak akan berkompromi dengan pegawai JPJ terlibat kerana ia menjejaskan kewibawaan dan imej jabatan. Kita akan berkerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menangani isu tersebut," katanya. Beliau turut mengesahkan tiada pegawai atau anggota JPJ Sarawak ditangkap berhubung kesalahan mengeluarkan lesen terbang setakat ini.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 23 | 15 SEPTEMBER 2018